

Ekspo Rekacipta UniMAP Tingkatkan Budaya Penyelidikan



Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dilihat berjaya meningkatkan budaya penyelidikan di universiti ini. Ekspo yang berlangsung selama sehari pada 7 Januari 2014 lalu merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan berjaya menarik penyertaan sebanyak 428 produk berbanding hanya 361 produk pada tahun 2013.

Sebanyak 7 kategori dipertandingkan iaitu Elektrik dan Elektronik, Bahan, Pembuatan, Mekanikal dan Awam, Pertanian, Akuakultur dan Alam Sekitar, Seni Rekabentuk dan Kreativiti, Pendidikan Kemanusiaan dan Kualiti Kehidupan, Perubatan, Farmaseutikal dan Kesihatan serta ICT dan Multimedia.

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan diumumkan sebagai penerima anugerah Patron. Anugerah ini diberikan kepada pusat pengajian yang menghantar penyertaan dan meraih pingat tertinggi iaitu sebanyak 34 pingat dari 66 penyertaan. Anugerah *Best Of The Best* diberikan kepada penyelidik Wan Mohd Arif Ibrahim dari PPK Bahan dengan produknya *Ceraden-Agriglass- A Locally Formulated Dental Porcelain From Agricultural Waste Glass*.

Sementara itu *Anugerah Green* berjaya menjadi milik Mohd Mustafa Al-Bakri melalui produk *Towards Green Construction Meterial : Geopolymer Composite Brick Fabrication Machine Vol 2.0* manakala *Woman Invention* berjaya disandang oleh Nurul Razliana Abdul Razak dengan produk *Development of Robust SNCU Based High Temperature Lead Free Solder*.